

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN III - PELANTIKAN MUFTI, KUASA DALAM HAL EHWAL AGAMA, JAWATANKUASA
FATWA DAN FATWA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PERKARA KEPENTINGAN NASIONAL**

Seksyen 38. Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan fatwa.

- (1) Jawatankuasa Fatwa boleh meminda, mengubahsuai atau membatalkan mana-mana fatwa yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Enakmen ini atau di bawah Enakmen terdahulu.
 - (2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa hendaklah disifatkan sebagai suatu fatwa dan peruntukan seksyen 36, kecuali subseksyen 36(7), hendaklah terpakai baginya.
 - (3) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu fatwa yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa fatwa itu dibuat di bawah subseksyen (1).
-